

NO. SOALAN: 24

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' DR. MUJAHID YUSOF RAWA
[PARIT BUNTAR]**

TARIKH : 19 NOVEMBER 2015

RUJUKAN : 8269

SOALAN:

**Dato' Dr. Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar] minta MENTERI
DALAM NEGERI menyatakan program penghantaran pulang
pendatang tanpa izin ke negara asal.**

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Program penghantaran pulang pendatang asing tanpa izin (PATI) ialah mana-mana PATI yang menyerah diri secara sukarela akan dikenakan kompaun sebanyak RM300 dan bayaran Pas Khas sebanyak RM100 serta dikecualikan pendakwaan untuk kesalahan di bawah Akta Imigresen 1959/63 (Akta 155) iaitu subseksyen 6(1), kesalahan masuk dan tinggal tanpa pas atau permit yang sah dan perenggan 15(1)(c), kesalahan tanpa alasan yang munasabah didapati tinggal di Malaysia setelah pas/permit tamat tempoh. Mereka juga akan disenarai hitam daripada memasuki negara dan diambil rekod biometrik untuk rujukan Jabatan Imigresen Malaysia.

Selain itu, program ini ialah sebagai alternatif kepada aktiviti penguatkuasaan yang melibatkan tangkapan dan menyebabkan kesesakan di Depot Tahanan Imigresen. Sebagai rekod, kapasiti depot seluruh negara adalah sangat terhad iaitu untuk 12,400 orang sahaja pada satu-satu masa. Namun begitu, sehingga 6 Oktober 2015, jumlah tahanan telah mencecah seramai 12,420 orang melebihi kapasiti depot sedia ada. Sekiranya kesemua tangkapan diambil tindakan pendakwaan, depot tahanan akan digunakan melebihi kapasitinya kerana proses tindakan undang-

undang akan mengambil masa sedangkan operasi penguatkuasaan perlu diteruskan.

Program ini akan menjimatkan perbelanjaan Kerajaan berhubung isu PATI khususnya bagi dari segi penyediaan makan dan minum tahanan serta lain-lain kos mengurus tahanan di depot. Sehingga September 2014, Kerajaan telah membelanjakan sebanyak RM 22,546,601.45 untuk bayaran perkhidmatan pembekalan makanan di Depot-depot Tahanan Imigresen di seluruh Malaysia, RM 597,758.60 untuk pembiayaan tambang PATI melalui laluan darat dan RM 2,865,200.00 untuk pembiayaan tambang PATI melalui laluan laut (bagi warganegara Indonesia). Dengan program ini, segala kos pulang ke negara asal ditanggung oleh PATI sendiri.

Kerajaan juga dapat mengutip hasil dari Bayaran Kompaun dan Pas Khas. Sejak program ini dilaksanakan, Jabatan Imigresen telahpun mengutip kompaun berjumlah RM 34,125,405 dan bayaran Pas Khas berjumlah RM 11,395,700 dari 1 Januari sehingga 30 September 2015.